



PERDANA LIBRARY
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	10/1/2011

Pertemuan dengan Najib tidak sentuh pilihan raya Sarawak

KUCHING 9 Jan. - Pertemuan Datuk Seri Najib Tun Razak dengan ahli-ahli Parlimen Barisan Nasional (BN) dari Sarawak semalam tidak langsung menyentuh atau membincangkan mengenai pilihan raya negeri yang akan diadakan pada bila-bila masa sahaja.

Ketua Pemuda BN negeri, Datuk Fadillah Yusof berkata, pertemuan dengan Perdana Menteri itu adalah lebih kepada ruang untuk beliau berjumpa dengan ahli-ahli Parlimen dari seluruh negara, sekali gus boleh bertukar-tukar pandangan mengenai isu semasa serta masalah kawasan masing-masing.

Beliau yang juga Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, berkata,

pada masa sama Perdana Menteri mahu mendengarsendiri malah akan dapat memperoleh maklumat tepat daripada ahli-ahli Parlimen berhubung pelbagai isu dan masalah yang dihadapi.

"Pertemuan itu tidak ada membincangkan mengenai pilihan raya negeri yang akan datang kerana ia lebih kepada bertukar-tukar pandangan serta melihat beberapa fakta, itu sahaja," katanya kepada pemberita menghadiri Program Derma Darah Sukarelawan Pemuda BN Sarawak di pusat beli belah di Petra Jaya di sini hari ini.

Dalam pada itu, Fadillah memberitahu, pertemuan dengan Perdana Menteri itu adalah pendekatan baru yang pertama kali dilaksa-

nakan di bawah rangka Pelan Transformasi Politik (PTP) yang memberi ruang kepada ahli-ahli Parlimen pada awal tahun untuk memperkatakan isu kawasan masing-masing.

Menurutnya, setiap ahli Parlimen diberi tempoh lima minit untuk mengadakan pertemuan empat mata secara bergilir-gilir dengan Perdana Menteri dan ia mencukupi memandangkan bilangan ahli Parlimen BN yang ramai.

Jelasnya, selaku wakil rakyat, beliau berpuas hati meskipun diberi hanya lima minit kerana semua ahli Parlimen telah diberi tempoh seminggu untuk menyiapkan kerangka isu yang ingin dibincangkan bersama Perdana Menteri.

"Perdana Menteri adalah seorang

yang bekerja kuat dan sudah semestinya kita sebagai ahli Parlimen kena kerja dua kali ganda, maka kita harap Pemuda BN kerja lagi kuat tiga kali ganda selepas ini," ujarnya.

Semalam, BN mencatat sejarah baru apabila buat kali pertama semua ahli Parlimen parti itu mengadakan pertemuan dengan Najib dalam tempoh lapan jam bagi menyampaikan masalah rakyat di kawasan masing-masing.

Pertemuan bersejarah di Perdana Suite, Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini itu merupakan sebahagian rangka PTP sebagaimana dijanjikan Perdana Menteri demi memastikan BN dapat melaksanakan khidmat kepada rakyat dengan

efektif.

Sesi berkenaan bermula pada pukul 9.30 pagi dan berakhir kira-kira 5.30 petang dengan tiga ahli Parlimen dari Sarawak iaitu, Ahli Parlimen Mas Gading, Datuk Dr. Tiki Lafe; Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar (Santubong) serta Datuk Fadillah Yusof (Petra Jaya) menjadi kumpulan wakil rakyat pertama berjumpa dengan Perdana Menteri.

Dalam pertemuan itu, Najib ditemani Setiausaha Agung BN, Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor memberi peluang kepada setiap ahli Parlimen menyampaikan segala masalah membabitkan rakyat di kawasan masing-masing bagi membolehkan kerajaan mencari penyelesaian.